



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**9 JANUARI 2022 (AHAD)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**9 JANUARI 2022 (AHAD)**

SHMKM perlu dilanjutkan, pengguna tertekan kenaikan harga

# Boikot ayam

Oleh MOHAMAD SHOFI  
MAT ISA, JAMILIAH ABDULLAH  
dan ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**KUANTAN:** Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang akan berakhir pada 4 Februari ini perlu diteruskan atau pengguna mempun-

yai pilihan kedua memboikot membeli ayam sehingga harga kembali stabil.

Penamatian SHMKM akan memberi lebih banyak tekanan kepada pengguna bukan sahaja di kawasan bandar, malah penduduk luar bandar juga akan terkesan kerana ketika ini makanan sumber protein yang murah adalah ayam dan telur.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, rakyat ketika ini sedang menghadapi pelbagai tekanan hidup terutama isu kewangan dan kenaikan harga barang akibat penularan wabak Covid-19 selain musibah banjir.

Oleh itu katanya, kerajaan perlu meneruskan SHMKM dan merangka perancangan jangka masa panjang yang lebih mantap supaya pengguna boleh meneruskan hidupan harian mereka tanpa menanggung beban akibat kenaikan harga barang makanan.

**Bersambung di muka 2**

## Boikot ayam

Dari muka 1

"Jika SHMKM tidak disambung, YPNM menyarankan pengguna memboikot membeli ayam sementara harga stabil.

"Kita juga cadangkan juga syarikat milik kerajaan (GLC) mengimport dedak makanan seperti jagung dan soya bagi mengatasi manipulasi oleh pengimport masa ini," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan sebagai berkata, rakyat diminta bersedia dan perlu memahami dengan kenaikan semula harga ayam melebihi RM9.10 sekilogram selepas SHMKM berakhir pada 4 Februari ini.

Mengulas lanjut, Firdaus berkata, musim tengkujuh turut mempengaruhi penurunan tangkapan hasil laut menyebabkan harga menjadi mahal.

Di **ALOR SETAR**, Persatuan Pengguna Kedah (Cake) menyifatkan cadangan menaikkan harga ayam tidak wajar kerana mencetus panik dalam kalangan rakyat.

Setiausaha, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, kementerian berkenaan seharusnya lebih sensitif ketika kos sara hidup rakyat meningkat.

"Ayam memang ada permintaan tinggi dalam kalangan pengguna dan peniaga kecil. Menteri tak bolehlah cakap, bulan depan harga ayam naik. Walaupun skim harga kawalan akan tamat tapi tak boleh cakap macam itu.

"Patut kena cari jalan macam



**MOHD. FIRDAUS ABDULLAH**



**MOHAMAD YUSRIZAL YUSOFF**

mana nak turunkan harga barang sekarang rakyat tengah marah. Jangan bagi rakyat panik. Kos sara hidup rakyat semakin meningkat," katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan perlu membuat kajian menyeluruh tentang kenaikan harga ayam yang dikaitkan dengan manipulasi orang tengah.

"Di segmen pternakan, Cake percaya kenaikan adalah tidak tinggi ikut pengalaman kita. Selalunya orang tengah yang bermain dengan harga ayam ini. Ayam akan melalui lima hingga tujuh tangga sebelum sampai kepada pengguna.

"Jadi penglibatan orang tengah memang mengakibatkan kenaikan harga ayam. Kerajaan kena tengok menyeluruh. Harga di peringkat pemborong adakah ia munasabah," katanya.

Di **SEREMBAN**, Persatuan Pengguna Negeri Sembilan meminta KPDNHEP tidak mengeluarkan kenyataan menganggu fikiran pengguna berkaitan kenaikan semula harga ayam, sebaliknya mencari jalan penyelesaian bagi menstabilkan harga tersebut.

Pengerusinya, Khairuddin Yunus berkata, KPDNHEP perlu memberi keyakinan kepada pengguna agar dapat menu runkan harga tersebut.

"Saya minta supaya pihak kementerian mengkaji semula berkaitan kenaikan harga ayam berkenaan dan jangan keluar kenyataan menganggu fikiran orang ramai (pengguna).

"Sebagai pihak yang bertanggungjawab mereka perlu mententeramkan rakyat dan sekurang-kurangnya mesti berusaha menstabilkan harga.

"Sekiranya berlaku kenakan akibat banjir besar baru-baru ini, pihak berkaitan perlu ada sistem dan melakukan pemeriksaan secara berkala dua atau tiga bulan sekali atau memantau ladang ayam mengapa ada kenaikan harga," katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, Khairuddin menjelaskan, pihaknya berharap pihak kementerian lebih prihatin dengan nasib peniaga terutama gerai makanan yang mula bernafas selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

**P**ADA 31 Disember lalu, iaitu dalam tempoh tidak sampai seminggu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengumumkan empat bahan mentah termasuk ayam di Semenanjung akan mengalami penurunan harga berkuat kuasa esoknya, iaitu 1 Januari 2022.

Selain ayam, penurunan harga juga melibatkan telur, sawi serta kacang panjang. Harga itu turun menerusi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM). Skim ini dilaksanakan bagi memastikan keberadaan barang tersebut dalam pasaran serta harga yang bersesuaian mengikut situasi dan faktor tertentu.

Dan sebelum itu juga rakyat diberitahu bahawa harga maksimum ayam standard ditetapkan RM9.30 sekilogram bagi jualan runcit dan RM8 sekilogram untuk pemborong di Semenanjung, kecuali Langkawi.

Bagaimanapun tidak sampai beberapa hari, Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi kelmarin memberitahu, rakyat perlu bersedia dengan kenaikan harga siling ayam yang dijangka berlaku awal bulan depan selepas tamat SHMKM.

Katanya, ini berikutan golongan penternak terbeban dengan kos operasi dan harga dedak import ketika ini.

Ramai yang terpinga-pinga. Pula dah! SHMKM pun ada tamat tempoh. Hanya sebulan. Macam barang pula. Lepas tamat tempoh tidak boleh digunakan lagi atau kena perbaharui? Iini dah macam lesen pula.

Tentunya memberi alasan kementerian itu sedang mencari mekanisme menurunkan harga dan meminta supaya semua bersabar serta faham ketika ini, ia agak sukar untuk diterima oleh orang ramai. Maknanya setiap kali harga barang naik, rakyat diminta bersedia. Bersedia apa? Bayar lebih atau bersedia untuk tidak makan atau guna barang mahal itu? Apa pun, pusing-pusing pengguna juga kena hadap.

Hakikatnya, yang hendak didengar rakyat ketika ini sudah tentulah cara-cara untuk mengatasi isu kenaikan harga. Meminta faham dan bersabar, ia boleh mengundang kemarahan.



AHLI Dewan Undangan Negeri Hulu Kinta, Muhamad Arafat Varisai Mahamad membawa ayam dalam Sidang DUN Perak sebagai membantah kenaikan harga barang, bulan lalu. - IHSAN URUSETIA DUN PERAK

## Baru turun, dah nak naik?

**AHAD  
DAH KE?  
FAUZIAH  
AROF**



yo-yo, sekejap naik, sekejap turun. Tetapi bila dah naik, turunnya lambat atau tak turun-turun terus.

Dan apabila semua barang naik, tak ada pun dengar saranan agar gaji pekerja dinaikkan selari dengan kenaikan harga barang dan kos sara hidup. Bukan setakat itu, ada pula menteri yang membandingkan kenaikan harga barang di negara ini dengan negara lain dan mengatakan kenaikan harga di negara ini masih dalam keadaan baik dan terkawal. Walhal negara yang disebut-sebut harga barang melambung itu adalah antara negara berpendapatan tinggi di dunia.

Sukar juga hendak diterima ketika ini, kita masih tiada mekanisme pelan luar jangka, untuk menangani kenaikan harga ayam. Ini kerana sejak dulu lagi ayam mengalami turun naik harga. Setiap kali harga naik, mekanisme penurunan sedang diteliti. Tak akan sampai sekarang pun

penternak dan pengeluar saja, sampai bila pun mereka asyik kata rugi. Tak pernahnya untung.

Pada masa sama, ramai juga tidak faham kenaikan harga ayam nanti dikatakan tidak akan membebankan pengguna. Mana ada apabila barang mahal, ia tidak menjelaskan kos sara hidup pengguna. Kecualilah untuk golongan kaya raya.

Seingat saya juga, pada bulan lalu kerajaan membenarkan ayam seukur beku dari luar negara berada di pasaran sebagai langkah menurunkan harga bekalan itu.

Bagaimanapun, kebenaran untuk mengimport ayam itu hanya untuk tempoh tiga bulan bermula Disember lalu sehingga bulan depan.

Jadi itulah, agaknya mekanisme yang ada untuk menurunkan harga ayam. Dan betullah harga ayam akan naik awal bulan depan selepas tamat import ini dan ia pun sama tamat tempohnya dengan SHMKM. Macam berpaktat pula.

Kata seorang kawan, selepas ini orang marhaen macam kita, tak bolehlah makan telur dengan kicap saja. Telur pun dah naik harga. Masalahnya, kalau makan nasi dengan kicap, kicap pula naik harga macam mana? Nak makan angin? Lagi banyak belanja.

Tentunya ketika ini petunjuk prestasi utama (KPI) KPDNHEP sebenarnya sedang dinilai oleh rakyat. Jangan nanti semuanya habis hanya kerana ayam.

# Bekalan makanan musim tengkujuh mencukupi

**Kuala Lumpur:** Bekalan makanan dan harga barang keperluan harian seluruh negara masih terkawal serta dijamin mencukupi terutama ketika musim banjir dan menjelang sambutan Tahun Baharu Cina.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata setakat ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menerima aduan mengenai kenaikan harga barang atau bekalan tidak mencukupi.

"Bagaimanapun kerajaan akan terus komited membuat pemantauan seiring perlanjutan tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang bermula hari ini (semalam) hingga 4 Februari depan.

"Bagaimanapun, tindakan pemantauan akan terus dilakukan membabitkan 2,000 pegawai penguat kuasa kementerian yang melakukan pemeriksaan di lapangan setiap hari di lokasi dan premis tumpuan ramai termasuk pasar awam, pasar tani, pasar raya serta peniaga pada peringkat rantaian pemborong dan pedadang," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Rosol berkata, beliau turut meluangkan masa menyertai pasukan penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan pematuhan pelaksanaan skim ini di pasar raya TF Supermarket, Temerloh bagi memantau pemantauan harga keperluan barang harian.

"Beberapa barang disenaraikan sebagai barang harga terkawal seperti ayam segar di bawah SHMKM fasa dua ini menunjukkan penurunan dan paras harga lebih stabil di Semenanjung berbanding harga maksimum ditetapkan dalam SHMKM fasa pertama yang berlangsung 7 Disember hingga semalam (kelmarin)," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan skim terbabit adalah komitmen kementerian menyokong inisiatif kerajaan membantu meringankan kos belanja rakyat terhadap keperluan asas dalam waktu pasaran harga yang menunjukkan pergerakan tidak stabil atas pelbagai faktor.

"Lanjutan tempoh penguatkuasaan SHMKM hingga 4 Februari depan bertepatan dengan situasi semasa iaitu bencana banjir yang melanda beberapa negeri dan membolehkan rakyat menikmati harga runcit barang asas pada harga stabil dan tidak menekan," katanya.

## Kenaikan harga barang terus dipantau

Oleh EDDY HAMIDI

**PUTRAJAYA** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus memantau kenaikan harga barang keperluan dari semasa ke semasa dan memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga kebijakan pengguna dan peniaga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengambil maklum laporan akhbar berhubung kejadian bellau tentang jangkaan kenaikan harga ayam dan telur selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat pada 4 Februari ini.

"Kenyataan itu bukan sengaja diada-adakan, tetapi ia berdasarkan maklumat daripada sesi libat urus pada 6 Januari lalu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil Agra Bank dan wakil-wakil daripada Perse-



KPDNHEP sentiasa membuat pemantauan harga barang keperluan demi menjadikannya kebijakan pengguna. — GAMBAR HIASAN

kutuan Persatuan-persatuan Perniagaan (FLFAM).

"Melalui sesi itu, setiap pihak termasuk FLFAM membentangkan faktor-faktor kenaikan kos operasi perniagaan ayam termasuk peningkatan kos makanan ayam di peringkat global

dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing bagi sektor ini," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Jelas beliau, kementeriannya juga dimaklumkan bahawa pelaksanaan SHMKM telah

ayam dan telur di pasaran seperti melanjutkan pelaksanaan SHMKM sehingga 4 Februari ini seperti yang telah diumumkan sebelum ini.

Katanya, kerajaan turut mengambil tindakan mengimport ayam bulat sejak bulu sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan serta pemberian kemudahan pinjaman mudah kepada industri perniagaan ayam negara.

"Ini bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran. "Dengan adanya pemberian pinjaman mudah seperti ini, ia dapat membantu perniagaan dan pelabur menyerap kos operasi dan pengeluaran yang tinggi, sekali gus boleh mengawal kenaikan harga ayam," katanya.

Tambah beliau, isu kenaikan harga ayam yang melibatkan kos operasi yang dipengaruhi oleh pasaran dunia amat mencabar serta memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi terbabit.

**KERATAN Kosmo! semalam.**

membebankan perniagaan yang terpaksa menyerap kos operasi lebih tinggi.

Sekiranya skim itu diteruskan ujarnya, hasil pengeluaran ayam dan telur pasti terjejas.

"Jika ini berlaku, ia tentunya memberi kesan lebih buruk kepada pengguna akibat kekurangan bekalan ayam dan telur di pasaran.

"Inilah realiti yang akan terjadi sekiranya tiada campur tangan kerajaan yang mana harga ayam dan telur akan melonjak lebih tinggi," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Alexander menegaskan, kerajaan termasuk KPDNHEP sudah pun mengambil langkah pro aktif untuk mengimbangi kenaikan harga

HARI : AHAD  
TARIKH : 9/1/2022  
M/SURAT : 12

Senarai Harga Barang Kepotuan					
▪ Ayam	RM8.99	▪ Telur Ged A	RM12.30	▪ Gula Pasir	RM 2.85
▪ Daging Lembu Tempatan	RM45	▪ Ikan Kembung	RM17	▪ Bawang Besar Holland	RM1.80
▪ Daging Lembu Import	RM28	▪ Minyak Masak	RM6.50	▪ Bawang Putih	RM5.50
				▪ Cili Merah	RM13.29
				▪ Kubis Bulat Tempatan	RM2.79
				▪ Tepung Cendrum	RM3.20

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

## Restoran mamak masih jadi pilihan, harga biar berpatutan



JAWAHAR ALI

KUALA LUMPUR — Persatuan Pengguna Restoran Muslim Malaysia (Presma) akan memastikan kenaikan yang berlaku melibatkan makanan dan minuman di restoran mamak adalah berpatutan dengan kadar minimum supaya tidak membebankan masyarakat.

Presidentnya, Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, Presma tidak berniat untuk menaikkan harga dengan mendadak dan

telah mengingatkan ahlinya agar menawarkan makanan pada harga yang berpatutan.

"Industri ini bukanlah tempat untuk mengaut keuntungan semata-mata kerana ramai beranggapan restoran mamak ini sudah menjadi seperti rumah kedua kerana kos memasak itu lebih tinggi lebih-lebih lagi di bandar.

"Inilah reaksi pelanggan kami, di mana mereka merasakan tidak berbaloi untuk masak di rumah

selepas pulang dari kerja kerana memerlukan masa selain kos yang lebih tinggi," katanya kepada *Kosmo!*.

Selain itu, kata Jawahar Ali, dia berharap pengguna dapat memainkan peranan mereka sebagai masyarakat awam dengan memperjuangkan hak mereka termasuk tidak pergi ke kedai yang menaikkan harga dengan kadar tidak masuk akal.

"Kita boleh pilih kedai yang

mahal dan murah dan ia adalah hak pengguna untuk memilih. Namun, mereka juga perlu bertindak ke atas pengusaha yang bertindak sedemikian.

"Kita jangan menyokong atau bolot kedai seperti ini dan gunalah hak sebagai pengguna."

"Paling utama, segala aduan pengguna boleh dibuat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," tegasnya.

## KPDNHEP janji jaga kebajikan pengguna, peniaga

**SHAH ALAM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus memantau kenaikan harga ayam dan telur sekali gus memberi jaminan akan mengambil tindakan sejawarnya bagi menjaga kebajikan pengguna serta peniaga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, isu kenaikan harga ayam yang melibatkan kos operasi dipengaruhi oleh pasaran dunia sememangnya amat mencabar dan memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi.

"Saya mengambil maklum laporan media mengenai kenyataan saya berkenaan jangkaan kenaikan harga ayam dan telur di pasaran selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat pada 4 Februari ini.

"Perlu saya jelaskan bahawa kenyataan ini bukanlah sengaja diada-adakan, tetapi berdasarkan hasil maklumat yang diterima daripada sesi libat urus yang diadakan pada Khamis lalu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil AgroBank dan wakil-wakil dari Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak (FLFAM).

"Melalui sesi itu, setiap pihak termasuk FLFAM telah membentangkan faktor-faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam termasuk peningkatan



ALEXANDER NANTA  
LINGGI

kos makanan ayam di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing bagi sektor ini," katanya dalam kenyataan di Facebooknya pada Sabtu.

Menurutnya, pelaksanaan SHMKM ini juga telah membebankan penternak yang terpaksa menyerap kos operasi lebih tinggi dan sekiranya diteruskan akan menjasakan hasil pengeluaran ayam dan telur.

"Sekiranya keadaan ini berlaku, ini tentunya akan memberi kesan yang lebih buruk kepada pengguna akibat kekurangan bekalan ayam dan telur di pasaran. Dengan kurangnya bekalan, harga jualan juga akan meningkat," katanya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan termasuk KPDNHEP sudah mengambil langkah proaktif untuk mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran seperti yang telah diumumkan sebelum ini.



Laporan Sinar Harian pada Sabtu.

# Tak masuk akal peruncit tak diberi AP

Pemberian AP bantu peruncit tawar harga ayam pada harga murah, atasi masalah kekurangan bekalan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM

berian AP itu akan membolehkan peruncit menawarkan ayam pada harga yang lebih baik, di samping mengatas masalah kekurangan bekalan di pasaran.

"Jika tidak diberi AP untuk meng-import ayam, macam mana kita nak meng-import? Bukan AP ayam sahaja, begitu juga dengan kubis. Persoalannya, kenapa peruncit-peruncit besar seperti Mydin tidak diberikan AP walaupun kita sudah minta."

"AP ayam kita sudah mohon sejak dua bulan lepas, tapi sampai sekarang tidak diberikan kebenaran untuk mengimport. Pada masa sekarang, ayam masih ada kawalan harga, jadi harga memang stabil."

"Tapi apabila menteri beritahu kemungkinan harga ayam



AMEER

naik, soalan saya kenapa menteri tidak berikan AP kepada kami? Kalau AP diberikan kepada orang lain dan kemudiannya dijual kepada kita, kita tidak boleh nak turunkan harga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai harga siling ayam yang dijangka berlaku pada awal bulan depan selepas tamat Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi sebelum ini berkata, kenaikan itu berikut-an golongan penernak terbeban dengan pelbagai kos operasi dan harga dedak import.

Bagaimanapun, katanya, kenaikan itu tidak akan membebani



Harga siling ayam dijangka naik pada awal bulan depan selepas tamat Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia.

pengguna sekali gus akan mewujudkan situasi menang-menang.

Mengulas lanjut, Ameer berkata, AP perlu diberikan kepada peruncit besar bagi bekalan ayam dan kubis yang merupakan an-

tarbekalan utama dan sentiasa mendapat permintaan tinggi.

Katanya, ia bagi membolehkan pengguna diberi lebih pilihan untuk membeli bekalan makanan pada harga yang berpatutan dan lebih murah.

R angkaian pemborong dan peruncit tempatan halal terbesar di Malaysia, Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) menyifatkan langkah kerajaan untuk tidak memberikan permit import (AP) bekalan ayam kepada peruncit-peruncit besar di negara ini sebagai tidak masuk akal.

Pengarah Urusannya, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, pem-

‘Cari mekanisme turun harga, bukan suruh rakyat sedia harga naik’

**POKOK SENA** - Kerajaan sepatutnya mencari mekanisme untuk menurunkan harga barang, bukannya menyuruh rakyat bersedia dengan kemungkinan berlakunya kenaikan harga barang.

Naib Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Mahfuz Omar berkata, ia menggambarkan seolah-olah kerajaan sudah tepu dan gagal mencari jalan penyelesaian bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

Menurutnya, semua agensi kerajaan dan kementerian terlibat seharusnya duduk berbincang bagi menangani kemelut itu secara bersama.

“Ibu ini sudah lama disuarakan pembangkang termasuk dalam Parlimen, sepatutnya semua agensi dan beberapa kementerian yang terlibat dengan kawalan harga barang dapat kemukakan solusi terbaik. Sama ada mereka ada bincang bersama atau tidak, saya tak pasti yang jelas isu ini semakin tepu tanpa penyelesaian.

“Akhirnya mereka suruh rakyat bersedia, manakala kerajaan pula cari mekanisme untuk berdepan kenaikan harga, sepatutnya cari mekanisme untuk turunkan harga barang yang mengalami kenaikan,” katanya selepas meninjau Karnival Jualan Keluarga Malaysia di tapak pekan sehari



Mahfuz (kanan) ketika meninjau harga ayam di Karnival Jualan Keluarga Malaysia di tapak pekan sehari di Pekan Langgar, Pokok Sena pada Sabtu.

di Pekan Langgar di sini pada Sabtu.

Mahfuz yang juga Ahli Parlimen Pokok Sena turut kecewa dengan kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yang mahu rakyat bersedia dengan kenaikan harga siling ayam yang dijangka berlaku awal bulan depan selepas tamat Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

“Saya akui terkejut dengan kenyataan beliau yang bergambaran agar rakyat bersedia hadapi kenaikan harga ayam selepas 4 Februari.

“Sekarang harga ayam baru

turun 20 sen selepas melambung tinggi beberapa bulan lepas. Kenaikan harga ayam selepas ini kita pun tak tahu berapa banyak. Kerajaan perlu fikirkan penyelesaian terbaik sebab isu ini sudah lama berlarutan, bukan sahaja ayam, sayur, telur, ikan berlaku kenaikan harga, ia tak berlaku kenaikan harga, ia tak sejawarnya berlaku,” katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Mahfuz berharap agar bekalan minyak peket diperbanyak susulan dakwaan bekalan sering tidak mencukupi di beberapa negeri.

“Pastikan bekalan sentiasa ada di kedai runcit kerana ia barang perlu golongan B40, namun ada rungutan bekalan sehingga kehabisan,” katanya.

Oleh Suraya Roslan  
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**enaikan kos operasi penternakan termasuk peningkatan harga makanan di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing antara faktor utama kenaikan harga ayam dan telur pada 4 Februari depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, beliau mengambil maklum jangkaan kenaikan harga ayam dan telur di pasaran selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMMK) tamat bulan depan.

"Kenyataan ini bukan sejaja diada-adakan, tetapi berdasarkan maklumat diterima daripada sesi libat ursus pada Khamis lalu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Maf), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil Agro Bank dan wakil dari Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak (FLFAM).

"Melalui sesi itu, setiap pihak termasuk FLFAM membentangkan faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam termasuk peningkatan kos makanan di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan pekerja asing bagi sektor ini," katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Katanya, kerajaan dimaklumkan, pelaksanaan SHMMK membebankan penternak yang perlu menyerap kos operasi lebih tinggi.

"Sekiranya skim ini diteruskan, pihak kerajaan dimaklumkan menjelaskan hasil pengeluaran ayam dan



KENAICKAN harga telur dijangka selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

## FAKTOR KOS OPERASI

*Penjelasan menteri berkaitan jangkaan kenaikan harga ayam, telur 4 Februari depan*

**RM9.10**

Harga siling ayam ditetapkan di peringkat peruncit

telur dan keadaan ini mengganggu bekalan ayam serta telur di pasaran.

"Jika ini berlaku, ia memberi kesan lebih buruk kepada pengguna akibat kekurangan bekalan ayam dan telur sekali gus menyebabkan harga meningkat."

"Ini realiti yang terjadi jika tiada intervensi daripada kerajaan. Tanpa intervensi, harga ayam dan telur terus melonjak," katanya.

Katanya, kerajaan termasuk KPDNHEP mengambil

langkah proaktif mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran.

"Antaranya, pelaksanaan SHMMK yang dijadualkan berakhir pada 31 Disember lalu dan dilanjutkan 35 hari lagi berkuat kuasa 1 Januari hingga 4 Februari 2022."

"Selain itu, harga siling ayam sehingga 4 Februari ditetapkan RM6.10 sekilogram di peringkat ladang, RM7.80/kilogram di peringkat borong dan RM9.10/kilogram (peruncit)."

"Mafil mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta sebulan."

"Dengan penambahan bekalan, situasi ini menampung kekurangan bekalan ayam dan mewujudkan per-

saingan sihat seterusnya mengawal dan mengimbangi harga ayam," katanya.

Selain itu, pemberian pinjaman mudah atau soft loan kepada industri penternakan bagi mengatasi isu lonjakan harga ayam.

"Kerajaan mengumumkan peruntukan RM362 juta untuk membantu peladang terjejas akibat kenaikan harga baja dan racun," katanya.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro mendapati rata-rata peniaga runcit mengakui mereka tidak mengetahui kenaikan harga telur dan ayam selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

Kebanyakan mereka mengetahui itu menerusi media sosial dan berita di media massa.

BERITA HARIAN METRO AHAD EDISI 9/1/2022

## BALANCING SUPPLY AND DEMAND

## Price scheme extended to Feb 4 to control chicken, egg prices

KUALA LUMPUR

**T**HE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry yesterday said it has taken steps to prevent chicken and egg prices from skyrocketing.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said one of measures was that the Malaysian Family Maximum Price Scheme (MFMPS) had been extended to Feb 4.

The scheme was scheduled to end on Dec 31, 2021. However, it has been extended for 35 days to Feb 4.

"The chicken ceiling price has been set at RM6.10 per kg at the farm level, RM7.80 at the wholesale level and RM9.10 at the retail

level," he said yesterday.

Another measure, he said, was to import 10,000 metric tonnes (5.5 million) of frozen chicken monthly.

"The Agriculture and Food Industries Ministry is working on this to ensure that there are enough supplies in the market to create a healthy competition to control and balance chicken prices."

He said the third measure was to provide soft loans to poultry farmers.

"The government announced a RM262 million allocation to help farmers after prices of fertilisers and pesticides increased."

Nanta said RM200 million of the RM262 million allocation would be provided as a six-month



agro-food loan moratorium at zero interest through Agrobank and Tekun Nasional.

"This can help farmers absorb high operating costs and, at the same time, control the surge in chicken prices."

He said the chicken price surge, due to operating costs caused by the global market, was challenging and required collaboration among the ministries and agencies.

"Regardless, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will continue to monitor the prices and ensure that action is

taken to help consumers and traders."

He had previously said that the prices of chicken and eggs were likely to increase after MFMPS ended on Feb 4.

He said discussions between his ministry, the Veterinary Services Department, the Finance Ministry, Agrobank and the Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia on Thursday touched on factors that had caused chicken prices to increase in Malaysia.

Nanta said: "Among the factors are higher chicken feed prices in

the global market and a decrease in foreign workers in the sector.

"We were informed that MFMPS had burdened farmers, who were forced to absorb the higher operating costs.

"If the scheme were to be continued, it would affect the production of chicken and eggs, which will lead to less supply in the market, and cause the prices of these items to increase.

"If there is no intervention from the government, the prices of chicken and eggs will rise even further."

If there is no intervention from the government, the prices of chicken and eggs will rise even further.  
PIC BY AZIAH AZMEE

## 'Prices will go up even higher if no intervention'

**PUTRAJAYA:** The price of chicken and eggs will go up even higher if there is no government intervention, says Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Therefore, he said the government, including his ministry, would continue to take proactive steps to balance the rise of chicken and egg prices in the market.

Among the steps already taken were extending the Malaysian Family Maximum Price Scheme (SHMFM) until Feb 4, importation of frozen round chicken and providing soft loans facility to chicken breeders to overcome the sudden rise in chicken prices in the market.

Nanta said the implementation of SHMFM, which was scheduled to end on Dec 31, 2021, had been extended for another 35 days effective Jan 1 until Feb 4, while the ceiling price for chicken had been fixed at RM6.10 per kg ex-farm, RM7.80 per kg wholesale and RM9.10 per kg retail.

Apart from that, the Agriculture and Food Industries Ministry also



Better English,  
please  
> StarEdu

imports 10,000 metric tonne of frozen round chicken or 5.5 million chickens a month.

"With the increase in supply in the market, the problem with a supply shortage of chicken is eliminat-

ed and at the same time create healthy competition which in turn will control and balance the price of chicken in the market," he said on Facebook yesterday following his statement regarding the increase in chicken and egg prices in the market when SHMFM ends on Feb 4.

He said the statement was based on information received from the engagement session held on Jan 6 with the Agriculture and Food Industries Ministry, Veterinary Department, Finance Ministry, Agrobank representatives and the Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia.

Each party had presented the factors for the increase in the cost of poultry farming operations, including the increase in the cost of chicken feed at the global level and labour shortages due to restrictions on the entry of foreign workers for the sector, he added.

According to Bernama, Nanta said the government also provided soft loans to the country's poultry industry to overcome the surge in chicken prices in the market with

an allocation of RM262mil to help farmers affected by rising fertiliser and pesticides prices.

"Of that amount, a total of RM200mil is provided as agro-food loans at zero interest rate with a six-month moratorium on repayment through Agrobank and the TEKUN Niaga financing facility for the benefit of agro-food producers to address high production costs at the farm level."

"With the provision of the soft loans, it can help farmers and breeders to absorb the high operating and production costs, thus control the increase in chicken prices," he said.

Nanta explained that the issue of rising chicken prices which involved operating costs influenced by the world market was indeed very challenging, thus requiring the cooperation of the various ministries and agencies.

"Nevertheless, the ministry will continue to monitor the prices from time to time and we wish to assure that appropriate steps will be taken to safeguard the welfare of the consumers and traders," he added.

## Isu minyak masak paket berlarutan

**Butterworth:** Isu kekurangan bekalan minyak masak paket satu kilogram (kg) didapati masih berlaku di Pulau Pinang.

Perkara itu diketahui selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri menerima aduan orang awam.

Pengaruhnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, satu daripada punca masalah itu diperdayai akibat penyelwangan pihak tidak bertanggungjawab.

"Baru-baru ini, kami menerusi premis membungkus semula kira-kira 20 tan minyak masak bersubsidi.

"Namun, tiada tangkapan dibuat kerana dalam kegiatan itu tiada di lokasi kerana mengupah orang ketiga untuk beroperasi. Tetapi kami merekodkan perkakapan individu di premis

terbabit untuk tindakan lanjut.

"Kami ambil serius serta tidak teragak-agak bertindak tegas jika ada bukti kukuh," katanya selepas meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekarangan Masjid At-Taqwa di sini semalam.

Katanya, pihaknya menerima aduan berhubung isu itu secara rasmi dan tidak rasmi yang disuarakan orang awam melalui pelbagai saluran termasuk media sosial.

"Saya mengarahkan pegawai memberi tumpuan khusus terhadap isu bekalan minyak masak.

"Setiap aduan dibuat risikan, siasatan dan jika ada asas kukuh, kami terus buat rampasan dan serbuan terhadap mana-mana pemohon atau syarikat disyaki," katanya.



MOHD Ridzuan meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekarangan Masjid At-Taqwa, semalam.

Tindakan tegas akan diambil kepada pihak terbabit termasuk syarikat pemborong berlesen yang terlibat berlesen yang terlibat

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

BUTTERWORTH

**P**enyelewengan minyak masak bersubsidi oleh pihak tidak bertanggungjawab dikenal pasti antara punca masalah kekurangan minyak peket di negeri ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, pihaknya memandang serius mengenai perka-ra berkenaan dan telah mengarahkan pegawai serta anggotanya melakukan risikan bagi menangani isu berkenaan.

Menurutnya, tindakan tegas

akan dikenakan kepada pihak terbabit termasuk syarikat pemborong berlesen yang terlibat dengan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi.

"Kita sedar tentang masalah ini (kekurangan bekalan minyak peket) dan telah mengenal pasti punca.

"Hasil maklumat dan risikan yang diterima, baru-baru ini kita telah menyerbu sebuah premis tidak berlesen yang menjalankan aktiviti pemindahan minyak bersubsidi dan siasatan lanjut masih diteruskan bagi mengesah pihak yang terlibat," katanya ketika diintervju pemberita ketika membuat tinjauan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekarangan Masjid At-Taqwa Mak Mandin di sini pada Sabtu.

Mohd Ridzuan berkata, daripada siasatan dilakukan men-



Mohd Ridzuan meninjau gerai jualan PJKM yang menawarkan harga yang rendah kepada pengguna di Masjid At-Taqwa, Mak Mandin pada Sabtu.

dapat modus operandi yang digunakan aktiviti penyelewengan itu ialah dengan mengupah pihak ketiga bagi menguruskan pe-

mindahan minyak.

Sehubungan itu, beliau menerusi orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai akti-

viti penyelewangan barang bersubsidi boleh mengemukakan aduan ke saluran aduan rasmi KPDNHEP.

Sementara itu, mengulas mengenai PJKM, Mohd Ridzuan berkata, pengajuran program itu telah dilaksanakan di semua 13 Parlimen negeri ini pada Disember tahun lalu dan akan di teruskan sehingga Mac depan.

Jelasnya, pengajuran PJKM akan diadakan dua kali sebulan secara bergilir di setiap Parlimen dengan memfokuskan lokaliti penduduk B40 dan M40.

"Sambutan diterima sangat menggalakkan daripada penduduk setempat dan ramai tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan pelbagai barang keperluan yang dijual murah sebanyak lima hingga 20 peratus di sin," katanya.

## Penyelewangan punca minyak masak peket kurang